


GARIS PANDUAN

PENGESANAN AWAL MASALAH KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF (SRH) LELAKI DI PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER



EDISI PERTAMA
2023

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
KESIHATAN KELUARGA**



GARIS PANDUAN PENGESANAN AWAL MASALAH KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF
(SRH) LELAKI DI PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

e ISBN 978-967-19800-9-5



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(online)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGESANAN AWAL MASALAH KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF (SRH) LELAKI DI PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

**EDISI PERTAMA
2023**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PENGESANAN AWAL MASALAH KESIHATAN
SEKSUAL DAN REPRODUKTIF (SRH) LELAKI DI PENJAGAAN
KESIHATAN PRIMER**

Edisi Pertama, 2023

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara elektronik, mekanikal, fotokopi, atau rakaman tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7 & 8, Blok E10, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

e ISBN 978-967-19800-9-5

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum w.b.t
Salam sejahtera dan
Salam Malaysia Madani

Kesihatan seksual dan reproduktif merupakan elemen penting dalam isu kesihatan lelaki. Ianya kerap dibincangkan bagi isu kesihatan wanita yang turut diintegrasikan di dalam topik perbincangan mengenai kesihatan ibu, kesihatan remaja dan wanita.

Masalah kesihatan seksual dan reproduktif lelaki masih menjadi topik yang tabu dan kurang mendapat perhatian di peringkat penjagaan kesihatan primer.

Kajian mendapati, insidens penyakit yang berkaitan seperti kanser prostat adalah semakin meningkat dan manakala prevalens bagi disfungsi ereksi (mati pucuk) dan pembengkakan kelenjar prostat semakin meningkat di kalangan lelaki berusia muda. Oleh yang demikian, masalah kesihatan lelaki ini perlu dikesan awal agar ianya boleh dirawat bagi mengelakkan komplikasi yang lebih kompleks dan kesan jangka masa panjang kepada kualiti kehidupan.

Pada masa ini perkhidmatan bagi pengesanan awal masalah kesihatan seksual dan reproduktif lelaki ini akan memberi fokus kepada tanda dan gejala pembuangan air kecil (LUTS) dan mati pucuk.

Gejala pembuangan air kecil (LUTS) akan menjurus kepada beberapa "potential" diagnosa seperti kanser prostat dan pembengkakan prostat.

Kedua-dua ini merupakan masalah penyakit tidak berjangkit yang dapat membantu meningkatkan kualiti kesihatan lelaki tersebut dan keluarga mereka jika dikesan dan dirawat awal. Justeru, terdapat keperluan bagi mengukuhkan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif lelaki di penjagaan kesihatan primer bagi tujuan ini.



**PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
KESIHATAN KELUARGA**

Garis panduan ini akan menjadi rujukan kepada semua anggota dan kakitangan kesihatan dilapangan bagi tujuan pelaksanaan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas usaha dan komitmen dalam menghasilkan garis panduan ini. Usaha sama secara holistik adalah pemangkin dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada kaum lelaki ke tahap yang lebih optimum.

YBrs. Dr. Mohd Safiee bin Ismail

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan

Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI PENYUMBANG

01

Dr. Zakiah Mohd Said

Pakar Perunding Perubatan
Kesihatan Awam, Sektor Kesihatan
Dewasa, BPKK (Pengerusi)

Dr. Noor Ashani Md.Yusoff

Pakar Perunding Urologi
Hospital Gleneagles Kuala Lumpur

Dr. Feisul Idzwan Mustapha

Timbalan Pengarah (NCD), Bahagian
Kawalan Penyakit

Dr. Husni Hussain

Pakar Perunding
Perubatan Keluarga,
Klinik Kesihatan Salak

YBhg. Datin Dr. Haliza Haji Abdul Manaf

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
(Kesihatan Keluarga Negeri)
Cawangan Kes Primer, JKWPKL & Putrajaya

Dr. Anees Abdul Hamid

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
(Kesihatan Keluarga Negeri)
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Dr. Sheleaswani Inche Zainal Abidin Pakar
Perubatan Kesihatan Awam,
Sektor Kesihatan Warga Emas
BPKK

Dr. Adam Firdaus Dahlan

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Sg. Besi
JKWPKL/ Putrajaya

Dr. Naemah Sharifuddin

Pakar Perubatan Kesihatan
Keluarga, Klinik Kesihatan Bandar
Seri Putra Kajang

YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkifli Md Zainuddin

Pakar Perunding Urologi,
Jabatan Surgery, Pusat Perubatan UKM

Prof. Ong Teng Aik

Ketua Jabatan dan Pakar Urologi Pusat
Perubatan Universiti Malaya

Prof. Madya Dr Saharuddin bin Ahmad

Pakar Perubatan Keluarga / Ketua
Jabatan Perubatan Keluarga UKM

Dr. George George Mathew

Pakar Perunding Perubatan
Keluarga, Klinik Kesihatan Tamparuli
Sabah

Dr. Izwana Binti Hamzah

Pakar Perubatan Kesihatan Awam,
(Kesihatan Keluarga Negeri), JKN Perlis

Dr. Noor Azimah Binti Hasan

Pakar Perubatan Kesihatan Awam,
(Kesihatan Keluarga Negeri)
Unit Primer, JKN Negeri Sembilan

Dr. Pathman Arumugam

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu

Dr. Mohammad Faiz Sahiran

Pakar Perubatan Keluarga
KK Seri Tanjung, Melaka

Dr. Teo Chin Hai

Pensyarah Kanan
Unit UM eHealth,
Fakulti Perubatan, Universiti Malaya

Dr. Ng Wei Leik

Pensyarah Kanan
Unit UM eHealth,
Fakulti Perubatan, Universiti Malaya

SENARAI PENYUMBANG

02

Dr. Nor Mashitah Hj. Jobli

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan
Perubatan

Dr. Muhammad Fikri Bin Azmi

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Mohd Fauzie bin Ismail

KPP Kesihatan Keluarga,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Encik Ang Zen Yang

Penyelidik
Institut Penyelidikan Sistem
Kesihatan, KKM

Dr. Wan Mohd Sharifuddin Zainudin

Ketua Penolong Pengarah
Sektor Kesihatan Dewasa, BPKK

Dr. Ahmad Bunyamin Bin Ramlan

Klinik Kesihatan Palong 456
Negeri Sembilan

Dr. Khairul Anuar Bin Rosly

Pegawai Perubatan
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9

En. Mohd Nazri Abdullah

Penolong pegawai Perubatan
Sektor Kawalan dan Pencegahan
Penyakit CVD/ Diabetes/ Kanser
Bahagian Kawalan Penyakit

Pn Noor Hasliza Usup

Pembantu Tadbir
Sektor Kesihatan Dewasa, BPKK

Pn. Nurun Najihah Bt. Subakir

Pegawai Penyelidik
Sektor Kesihatan Dewasa, BPKK

Dr. Nurhaliza Binti Zakaria

Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Sektor Kawalan Dan Pencegahan Penyakit
CVD / Diabetes / Kanser,
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr Mohd Yusaini Bin Mohd Yusri

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Sri Jempol, JKN Negeri
Sembilan

Dr. Zaiton Lal Mohammad

Pegawai Perubatan, Unit Primer,
JKN Negeri Sembilan.

Dr Nur Hazwani Bt Muhamed Faizal

Pegawai Perubatan,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Dr Logeswary a/p Chellappan

Pegawai Perubatan,
Jabatan Kesihatan Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur &
Putrajaya

Pn Roziah Ismail

Penyelia Jururawat
Sektor Kesihatan Dewasa BPKK

En. Zainudin Sulaiman

Penolong Pegawai Perubatan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Hj. Jamal Abdul Nasir Sohaimi

Ketua Penyelia Penolong Pegawai
Perubatan
Sektor Kesihatan Dewasa BPKK



ED	Erectile dysfunction (Disfungsi Erektile)
LUTS	Lower urinary tract syndrome
BPE	Benign Prostatic Enlargement (Pembengkakan Kalenjar Prostat)
BSSK	Borang saringan kesihatan
NCD	Non Communicable Disease (Penyakit tidak berjangkit)
IPSS	International Prostate Symptom Score
IIEF-5	Indeks Fungsi Seks Antarabangsa
MO	Pegawai Perubatan
FMS	Pakar perubatan keluarga
PPP	Penolong pegawai perubatan
JT	Jururawat terlatih
SRH	Kesihatan seksual dan reproduktif
GP	Garis panduan
EHS	Erection hardness score
KK	Klinik kesihatan
STI	Sexual transmitted infection
DRE	Digital Rectal Examination
PSA	Prostate Specific Antigen
OSA	Obstructive sleep apnea
STOP-BANG	Score for Obstructive Sleep Apnea
(IELT)	Intra-vaginal ejaculatory latency time



ISI KANDUNGAN

Pengenalan	01
Objektif	06
Kaedah Pengesanan	07
Disfungsi Erektile	08
Gejala Pembuangan Air Kecil	15
Faktor Risiko Umum	21
Promosi	22
Tugas & Tanggungjawab	23
Peranan Agensi Luar	24
Pelaporan	25
Lampiran	33
Rujukan	40

PENGENALAN

Dalam usaha untuk merealisasikan perkhidmatan kesihatan lelaki, prevalens morbiditi dan mortaliti bagi penyakit tidak berjangkit seperti diabetes mellitus, tekanan darah tinggi, hiperkolesterolemia di kalangan lelaki sering menjadi rujukan asas perbandingan dengan golongan wanita. Pelbagai usaha dan promosi kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat serta saringan kesihatan secara berkala sering diwar-warkan kepada semua golongan termasuklah golongan lelaki. Walaubagaimanapun, kadar pengesanan awal masalah kesihatan lelaki masih rendah jika dibandingkan dengan wanita.(1)

Kajian juga mendapati masalah kesihatan seksual dan reproduktif merupakan komorbiditi penyakit tidak berjangkit (NCD) bagi lelaki dan wanita. Bukti menunjukkan bahawa disfungsi seksual adalah komplikasi organik yang berkaitan dengan diabetes mellitus, penyakit kardiovaskular, hipertensi, dan strok(2). Jika masalah ini tidak di rawat, ianya akan menjejaskan kualiti hidup individu dan keluarga amnya. Namun begitu, masalah ini jarang dibincangkan bagi kesihatan lelaki jika dibandingkan dengan penekanan dalam perkhidmatan kesihatan wanita. (3) a masa ini juga tiada kerangka aktiviti yang jelas bagi menangani masalah seksual dan reproduktif kesihatan lelaki di penjagaan kesihatan primer. Pengesanan awal masalah kesihatan seksual dan reproduktif lelaki yang memfokuskan kepada masalah pembesaran kelenjar prostat (*Benign Prostatic Enlargement* - (BPE)), kanser prostat dan mati pucuk yang juga merupakan masalah penyakit tidak berjangkit dapat membantu dalam intervensi dan rawatan awal bagi mengurangkan komplikasi penyakit.

Selain dari itu juga, masalah kesihatan seksual dan reproduktif lelaki masih menjadi topik yang tabu dan kurang mendapat perhatian di peringkat penjagaan kesihatan primer. Menurut Laporan National Diabetes Registry (NDR) bagi tahun 2021 mendapati terdapat peningkatan sebanyak 15.50 peratus dari kes-kes diabetes menghidap mati pucuk berbanding dengan 14.48 peratus pada tahun 2020(3). Manakala sebanyak 16 peratus lelaki berusia lebih 40 tahun mengadu mempunyai masalah pembesaran kelenjar prostat (BPE) menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2019. Peratusan lelaki yang mengalami gejala pula meningkat dari 10 peratus di kalangan lelaki yang berusia 40 tahun kepada 33 peratus di kalangan lelaki yang berusia 75 tahun.(4) Walaupun prevalensnya kelihatan rendah, namun kebanyakan pesakit tidak tampil untuk mendapatkan rawatan . Ini disebabkan oleh perasaan malu dan tidak selesa (5)Bagi kanser dikalangan lelaki sumber dari National Cancer Registry 2012-2016 menunjukkan kanser prostat merupakan kanser ke tiga tertinggi di kalangan lelaki selepas kanser kolorektal dan kanser paru-paru(6). Insidens ini juga semakin meningkat jika dibandingkan dengan insidens pada tahun 2007-2011.



Pada masa ini tiada sebarang program kesedaran mengenai masalah yang telah dinyatakan. Justeru, terdapat keperluan bagi mengukuhkan perkhidmatan kesihatan reproduktif lelaki di penjagaan kesihatan primer agar pengesanan awal masalah kesihatan dan intervensi lanjut dapat dilaksanakan. Justeru, Garis Panduan Dan Kaedah Pengesanan Awal Masalah Kesihatan Seksual Dan Reproduksi Lelaki Dalam Penjagaan Kesihatan Primer dibangunkan bertujuan sebagai rujukan bagi anggota kesihatan dalam melaksanakan perkhidmatan di klinik kesihatan. Ianya juga adalah merupakan salah satu inisiatif susulan daripada Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki 2018-2023. Terdapat 7 domain utama dalam pelan tindakan ini dan buku ini adalah bagi memenuhi domain kedua iaitu Accessibility & Appropriate Healthcare Services. Domain ini melihat kepada pengukuhan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit lelaki.

Disfungsi Erektile / *Erectile Dysfunction* (ED)

Definisi disfungsi erektile / *erectile dysfunction* (ED) adalah kegagalan untuk mencapai dan / atau mengekalkan kekerasan zakar yang mencukupi untuk mencapai kepuasan hubungan seks. Kajian "*Massachusetts Male Aging Study*" di Amerika, salah satu kajian yang terkenal untuk ED, mendapati prevalens ED adalah setinggi 52% untuk lelaki berumur 40 – 70 tahun, dan prevalens ED ini semakin meningkat dengan usia(7).

Di Malaysia, prevalens ED dilaporkan setinggi 65-69.5% di kalangan lelaki berumur 40 tahun ke atas, di mana 21.8-36.4% daripadanya adalah ED sederhana hingga teruk. (8)

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2019 mendapati bahawa 3 daripada 10 lelaki dewasa mengadu mempunyai masalah ereksi. Kajian ini juga mendapati sebanyak 36.9% lelaki dewasa di kalangan umur 18 sehingga 29 menghadapi masalah erektile. Prevalens ED dalam kalangan penghidap diabetes dan penyakit jantung adalah yang tertinggi (89.2%) diikuti oleh hipertensi (80.4%) dan hiperkolesterolemia (78.9%).

Sehubungan dengan itu, kesedaran mengenai ED ini perlu dipertingkatkan dalam kalangan lelaki supaya golongan lelaki yang menghadapi masalah ini mendapatkan rawatan yang sewajarnya kerana ED boleh mempengaruhi kualiti hidup seseorang.

Faktor risiko atau penyebab disfungsi erektile adalah pelbagai. Secara umum, ia boleh dibahagikan kepada lima faktor:(9)

- a) Kardiovaskular
- b) Neurologi
- c) Psikologi
- d) Hormon
- e) Ubat-ubatan

Seseorang yang mengalami disfungsi erektile boleh mempunyai satu atau lebih risiko pada masa yang masa. ED boleh menjadi petanda awal kepada penyakit kardiovaskular seperti penyakit jantung koronari dan strok. Ereksi yang sederhana hingga teruk, tetapi bukan ereksi yang ringan, dikaitkan dengan peningkatan risiko yang ketara terhadap penyakit jantung koronari (CHD) atau strok dalam tempoh 10 tahun.

Oleh itu, pemantauan perubatan yang teliti adalah disyorkan untuk lelaki dengan masalah ereksi, termasuk penilaian kardiologi, rawatan faktor risiko, dan pengubahsuaian gaya hidup(10) ED memberi impak kepada kesihatan psikososial dan mungkin menjejaskan kualiti hidup pesakit dan pasangan mereka.

Kebanyakan kaum lelaki tidak bersedia untuk mendedahkan permasalahan ED yang dianggap sulit dan menjejaskan tahap keegoan mereka, dan tidak mendapatkan rawatan walaupun mempunyai tanda - tanda ED. Dari segi persepsi umum dan kalangan petugas kesihatan sendiri ianya berpotensi untuk menjadi suatu stigma. Sesetengah petugas kesihatan juga mungkin menganggap ED kurang penting dan tidak menawarkan rawatan untuk ED.(11)

Gejala pembuangan air kecil (LUTS), Kanser Prostat dan Pembengkakan Kelenjar Prostat (BPE)

Pembengkakan kelenjar prostat (BPE) merupakan salah satu penyakit urologi yang paling umum di kalangan lelaki. Ia dicirikan oleh pertumbuhan berlebihan tisu prostat yang bersifat benign di sekitar uretra yang akhirnya menyempitkan pembukaan uretra, menyebabkan gejala pembuangan air kecil (LUTS).

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2019 telah mendapati sebanyak 16 peratus lelaki berusia lebih 40 tahun mengadu mempunyai gejala pembengkakan kelenjar prostat (BPE) (4). Peratusan lelaki yang mengalami gejala pula meningkat dari 10 peratus di kalangan lelaki yang berusia 40 tahun, manakala 33 peratus di kalangan lelaki yang berusia 75 tahun. Kajian yang sama juga mendapati bahawa 57 peratus lelaki yang bergejala, mengadu mengalami gangguan tidur dan aktiviti harian mereka.

Pesakit yang mengalami pembengkakan kelenjar prostat (BPE) biasanya datang dengan gejala pembuangan air kecil(LUTS), yang boleh berupa gejala obstruktif seperti berasa tidak puas membuang air kecil, aliran urin yang kecil (poor flow), dan pengosongan tidak lengkap, atau gejala iritatif seperti kecemasan, kerap kencing, dan nokturia.


Pelbagai kajian terkini menunjukkan bahawa nokturia adalah gejala pembuangan air kecil yang sangat penting dan mengganggu, terutamanya di kalangan pesakit dengan pembengkakan kelenjar prostat (BPE)(12). Jika tidak dirawat, komplikasi seperti masalah buah pinggang, dan batu karang boleh berlaku. BPE juga dikaitkan dengan morbiditi perubatan lain, seperti peningkatan risiko jatuh, pengurangan kualiti hidup, serta peningkatan kos penjagaan kesihatan tahunan.

Oleh itu, pemahaman epidemiologi BPE adalah penting dalam perancangan perkhidmatan kesihatan serta epidemiologi faktor risiko. (13)

Gejala pembengkakan kelenjar prostat (BPE) dan gejala kanser prostat adalah hampir sama. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan epidemiologi dan patologi antara pembengkakan kelenjar prostat dan kanser prostat. LUTS secara umumnya dikaitkan dengan pembengkakan kelenjar prostat, dan walaupun keadaan ini boleh menyebabkan LUTS, LUTS boleh berlaku tanpa adanya pembengkakan kelenjar prostat.

Tiga proses penyakit yang berkaitan ini (LUTS, BPE dan kanser prostat) berkongsi banyak persamaan seperti meningkat mengikut, boleh dirawat dengan ubat antihormon dan sebagainya. (14) Bukti hubungan antara keadaan ini dan faktor penyumbang mungkin menawarkan strategi pencegahan yang umum untuk BPE dan kanser prostate, serta pendekatan terapeutik yang umum dalam pengurusan mereka.(15)

Rajah 1: Bilangan Discaj Pesakit Mengikut Diagnosis di Hospital KKM bagi Kanser Prostat dan Pembengkakan Kelenjar Prostat Tahun 2018 - 2020



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

OBJEKTIF

Objektif Umum

Garis panduan ini bertujuan sebagai bahan rujukan bagi aktiviti pengesanan awal masalah kesihatan seksual dan reproduktif lelaki yang memfokuskan pengesanan masalah seperti disfungsi erektile (ED) dan gejala pembuangan air kecil (LUTS) dan intervensi lanjut yang diperlukan di peringkat kesihatan primer.

Intervensi awal seperti rujukan kepada pakar perubatan dan rawatan lanjut mampu meningkatkan kualiti hidup individu serta keluarga.

Objektif Khusus

- Mengenal pasti pesakit lelaki berisiko menghidap masalah disfungsi erektile, dan mempunyai gejala pembuangan air kecil di fasiliti kesihatan primer
- Meningkatkan pengesanan awal masalah dan memberikan intervensi awal bagi pesakit lelaki yang berisiko.
- Memberi rawatan kepada pesakit lelaki dan merujuk kes-kes ke hospital jika perlu.
- Memberi kesedaran dan promosi berkenaan kesihatan reproduktif lelaki kepada masyarakat.

KAEDAH PENGESANAN

Kumpulan Sasar

- Pesakit lelaki yang mempunyai faktor risiko seperti penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi dan hiperlipidemia
- Pesakit lelaki yang hadir (*walk in*) dengan simptom dan untuk disfungsi erektile dan gejala pembuangan air kecil (*lower urinary tract symptoms* - LUTS).
- Pesakit lelaki dewasa dan warga emas yang mempunyai simptom semasa saringan kesihatan dijalankan

*Sumber pesakit / klien: sama ada dari klinik kesihatan ataupun dari aktiviti "Outreach"


Entry Point

Sumber Kemasukan ("Entry Point") Klien Lelaki di Penjagaan Kesihatan Primer

- Pesakit lelaki yang mendapatkan rawatan susulan penyakit kencing manis / hiperlipidemia / darah tinggi (*Non-communicable diseases* - NCD).
- Pesakit lelaki yang menjalani saringan kesihatan sama ada menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan (BSSK) Lelaki Dewasa atau Warga Emas.
- Pesakit lelaki dari unit pesakit luar yang mengadu mempunyai masalah disfungsi erektile dan gejala pembuangan air kecil.

DISFUNGSI EREKTIL

CARTA ALIR PENGESANAN AWAL DISFUNGSI EREKTIL



PROSEDUR OPERASI PIAWAI PENGESANAN AWAL DISFUNGSI EREKTIL (ED) 1/3

Bil	Proses	Anggota Bertanggungjawab	Tempat	Maklumat / Data Berkenaan	Prosedur Piawai	Operasi	Piawai	Peralatan Diperlukan	Sumber Rujukan
1	Saringan kesihatan reproduktif (BSSK Dewasa/ Warga emas/ NCD)	PPP U29	Kaunter	BSSK dewasa/ warga emas (Pind. 2014) Kaunter <i>Triage</i> Janji temu NCD	Semak borang saringan dan kenal pasti risiko SRH lelaki		BSSK: Pesakit yang menjawab 'Ya' untuk soalan 'Masalah kurang nafsu syahwat/ kurang daya tahan' NCD: Semua pesakit lelaki NCD terus diberikan borang IIEF-5	Borang BSSK Borang IIEF-5 Borang rujukan Kad pesakit luar Kad rawatan NCD	Polisi saringan kesihatan di KKM Polisi rawatan NCD di KKM
2	Pengesanan tanda-tanda / risiko SRH lelaki (ED)	PPP U32	Kaunter	ED	Dapatkan maklumat melalui temubual pesakit		ED	Borang BSSK Borang rujukan Kad pesakit luar Kad rawatan NCD	Polisi saringan kesihatan di KKM Polisi rawatan NCD di KKM
3	Pendaftaran	PPP U29	Kaunter	Daftarkan maklumat perbadi pesakit (nama, no. k/p, alamat dll) dan dapatkan tarikh janji temu.	Maklumat peribadi yang lengkap		Format pendaftaran	Buku daftar/ komputer	Polisi Perkhidmatan Pesakit Luar
4	Promosi kesihatan	PPP U41	Bilik pemeriksaan PPP	Gunakan bahan Pendidikan kesihatan; • Disfungsi erektile dan rawatan • Apa yang anda tahu mengenai kanser prostat.	Berikan Pendidikan kesihatan secara individu atau berkumpulan		Pendidikan kesihatan yang berkesan	Poster Carta selak Risalah	GP Pendidikan Kesihatan Di KK

PROSEDUR OPERASI PIAWAI PENGESANAN AWAL DISFUNGSI EREKTIL (ED) 2/3

Bil	Proses	Anggota Bertanggungjawab	Tempat	Maklumat/ Data Berkenaan	Prosedur Operasi Piawai	Piawai	Peralatan Diperlukan	Sumber Rujukan
5	Saringan lanjut	PPP U32 PPP U41	Bilik pemeriksaan PPP	a) Saringan dan pemeriksaan lanjut untuk: <i>Erectile dysfunction</i> (ED)	Lakukan penilaian menggunakan borang IIEF-5 b). Jika normal; (skor>21) c). Jika tidak normal (skor≤21)	Penilaian hasil ujian Teruskan rawatan susulan Pendidikan kesihatan. Rujuk MO / FMS	IIEF-5 <i>questionnaire</i> Bahan Pendidikan kesihatan Kad pesakit luar	Polisi Perkhidmatan Pesakit Luar GP Pendidikan Kesihatan Di KK
6	Rujuk MO / FMS	MO / FMS	Bilik pemeriksaan MO/ FMS	<i>Erectile dysfunction</i> (ED)	Sejarah perubahan dan psikososial Pemeriksaan kesihatan yang berfokus: • <i>penile deformities</i> • <i>prostatic disease</i> • <i>hypogonadism</i> • <i>cardiovascular</i> • <i>neurological status</i> Ujian darah <i>hormone testosterone</i> (ikut keperluan), <i>Erection Hardness Score (EHS)</i> <i>Glucose</i> dan <i>lipid profile</i>	Hasil penilaian klinikal	IIEF-5/ <i>questionnaire</i> <i>Erection Hardness Score (EHS)</i> Orchidometer Kad pesakit luar Borang ujian makmal Bahan pendidikan kesihatan	Polisi Perkhidmatan Pesakit Luar

PROSEDUR OPERASI PIAWAI PENGESANAN AWAL DISFUNGSI EREKTIL (ED) 3/3

Bil	Proses	Anggota Bertanggungjawab	Tempat	Maklumat / Data Berkenaan	Prosedur Operasi Piawai	Piawai	Peralatan Diperlukan	Sumber Rujukan
7	Rawatan/ intervensi	MO/ FMS	Bilik pemeriksaan MO/ FMS	<i>Erectile dysfunction</i> (ED)	IIEF/ EHS normal IIEF/ EHS tidak normal	Ulang semula saringan tahunan Pendidikan kesihatan Rawatan/ intervensi bergantung kepada punca ED.	IIEF-5 questionnaire Borang BSSK Bahan Pendidikan kesihatan Kad pesakit luar	Polisi Perkhidmatan Pesakit Luar GP Pendidikan Kesihatan Di KK
8	Rujukan Hospital	MO/ FMS	Bilik pemeriksaan MO/ FMS	Rujuk untuk rawatan lanjut	Rujukan ke hospital berhampiran	Pastikan pesakit mendapat rawatan di hospital rujukan	Borang rujukan	Polisi Perkhidmatan Pesakit Luar

Nota;

Bagi kes-kes yang bergejala SRH lain-lain;

- Seperti lelehan luar biasa, ruam dan sebagainya / tanda-tanda STI, rujuk garis panduan Sexuality Transmitted Infection: Malaysian Guidelines in the Treatment of Sexuality Transmitted Infection - Third Edition 20.
- Bagi kes-kes yang mempunyai gejala pembengkakan di kemaluan / testis, rujuk FMS

Kumpulan Berisiko

Kumpulan Berisiko untuk Disfungsi Erektile (ED)

- Pesakit dengan penyakit kardiovaskular seperti penyakit jantung koronari, lemah jantung (heart failure) dan *peripheral vascular disease*.
- Pesakit lelaki yang mempunyai faktor risiko kardiovaskular seperti diabetes, hipertensi dan hiperlipidaemia.
- Pesakit dengan penyakit neurologi seperti strok, kecederaan saraf tunjang (spinal injury)
- Pesakit dengan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan (anxiety)
- Pesakit dengan penyakit buah pinggang kronik
- Pesakit dengan penyakit hormonal seperti *thyroid disorder*, *hypogonadism*, *cushing syndrome*
- Perokok, termasuk pengguna *e-cigarette* dan *vape*
- Pesakit dengan penyalahgunaan dadah (rujuk lampiran 11.1)
- Pesakit obesiti
- Pendidikan kesihatan
- Pesakit yang mengambil ubat-ubatan tertentu (rujuk lampiran 11.1)

Penilaian Disfungsi Erektile

Penilaian Pesakit Disfungsi Erektile (ED)

- Sejarah aduan pesakit, isu yang dihadapi, permulaan aduan dan perubahan aduan dari semasa ke semasa.
- Pegawai perubatan perlu menilai dan membuat pemeriksaan fizikal untuk mengenalpasti punca-punca ED dari segi vaskular, neurologi, hormon, psikososial dan ubat-ubatan.
- Penilaian tahap kesihatan kardiovaskular adalah penting kerana ED berkait rapat dengan risiko mendapat penyakit kardiovaskular seperti sakit jantung, strok dan kematian.
- Sejarah penyakit yang sedang dialami dan ubatan yang diambil bagi penyakit tersebut.
- Penilaian tahap kesihatan kardiovaskular termasuklah
 - a) Mengenalpasti simptom penyakit kardiovaskular seperti sakit dada, sesak nafas
 - b) Mengenalpasti faktor risiko seperti obesiti, tabiat merokok, tekanan darah tinggi, penyakit kencing manis dan kolesterol tinggi
 - c) Stratifikasi risiko kardiovaskular (cardiovascular risk stratification) – rujuk kepada *Princeton Consensus on cardiac risk stratification & Treatment algorithm for determining level of sexual activity*. (Lampiran 11.3)
 - d) Pemeriksaan darah untuk paras gula dan kolesterol
 - e) Rujukan ke hospital untuk penilaian selanjutnya seperti *exercise stress test* jika perlu
- Ujian darah tambahan seperti serum testosteron bergantung kepada punca ED yang disyaki (hypogonadism), dan tidak wajib diambil untuk setiap pesakit ED.
- Rawatan untuk ED bergantung kepada puncanya.
- Untuk ED vaskular, ubat seperti Phosphodiesterase-5 inhibitors (contoh: sildenafil, tadalafil, avanafil) boleh dipertimbangkan sekiranya tiada kontraindikasi.
- Rawatan untuk pesakit yang mempunyai masalah kesihatan seperti diabetes dan hipertensi perlu dioptimalkan.
- Pendidikan kesihatan boleh diberi untuk:
 - a) Cara hidup yang sihat (diet, pengurusan stres dan aktiviti fizikal)
 - b) Mengelak penyalahgunaan dadah/ rokok
 - c) Mencapai berat badan ideal
 - d) Pengurusan ketagihan pornografi dan masturbasi



Rujukan Disfungsi Erektile

Rujukan kepada FMS boleh dipertimbangkan untuk kes seperti berikut:


- *Moderate to severe ED*
- Rawatan PDE5 *inhibitors* diperlukan
- Keraguan mengenai diagnosis atau punca ED
- Masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan
- Berpotensi untuk dibawa ke mahkamah

Rujukan ke hospital boleh dipertimbangkan untuk kes seperti berikut:

- Rawatan dengan ubat PDE5 *inhibitors* tidak berkesan/ kontraindikasi untuk rawatan PDE5 *inhibitors*.
- Masalah neurologi seperti *spinal cord* dan *brain injuries*.
- Kesan sampingan pembedahan (*radical prostatectomy*).
- Masalah anatomi atau fizikal zakar seperti *Peyronie's disease*, *cavernous fibrosis*, *hypospadias*.
- Masalah endokrinologi yang kompleks seperti *hypogonadism*.
- Masalah psikiatri yang teruk seperti *major depressive disorder*, *bipolar disorder*, dan psikosis.

GEJALA PEMBUANGAN AIR KECIL (LUTS)

CARTA ALIR KLIEN DENGAN GEJALA PEMBUANGAN AIR KECIL (LUTS) – (BAGI PENGESAHAN LANJUT BPE DAN KANSER PROSTAT)



PROSEDUR OPERASI PIAWAI KLIEN DENGAN GEJALA PEMBUANGAN AIR KECIL (LUTS) – (BAGI PENGESAHAN LANJUT BPE DAN KANSER PROSTAT) 1/3

Bil	Proses	Anggota Bertanggungjawab	Tempat	Maklumat / Data Berkenaan	Prosedur Operasi Piawai	Piawai	Peralatan Diperlukan	Sumber Rujukan
1	Saringan kesihatan reproduktif; • BSSK Dewasa • Warga emas • NCD	PPP/ JT	Kaunter	BSSK lelaki dewasa / warga emas (Pind 2014) Kaunter Triage Janji temu NCD	Semak borang saringan dan kenal pasti risiko SRH lelaki	Mempunyai faktor risiko seperti kencing manis, darah tinggi dan hiperlipidemia Mempunyai gejala pembuangan air kecil (LUTS)- BSSK	Borang BSSK Borang IIEF-5 Borang rujukan Kad pesakit luar Kad rawatan NCD	Polisi saringan kesihatan di KKM Polisi rawatan NCD di KKM
2	Pengesanan tanda-tanda / risiko SRH lelaki (BPE /kanser prostat)	PPP/ JT	Kaunter	BPE	Dapatkan maklumat melalui temubual pesakit	BPE	Borang BSSK Borang rujukan	CPG Benign Prostatic Hyperplasia 1998
